

Journal of Ma'ālim al-Qur'ān wa al-Sunnah
Volume 22 No. 1 (2026)
ISSN: 1823-4356 | e-ISSN: 2637-0328
Homepage: <https://jmqs.usim.edu.my/>



- Title : **Analisis Tahap Kesedaran Rakyat Negeri Sembilan Terhadap Keperluan Pengajian Tafsir Bersistematik Berdasarkan Surah-Surah Lazim Dalam Juzuk 'Amma**
- Author (s) : Muhammad Yusry Affandy Md Isa, Ribhan Ibrahim, Hayati Hussin, Abdulloh Salaeh
- Affiliation (s) : Universiti Sains Islam Malaysia
- DOI : <https://doi.org/10.33102/jmqs.v22i1.594>
- History : Received: April 1, 2026; Revised: May 28, 2026; Accepted: June 1, 2026; Published: June 30, 2026.
- Citation : Muhammad Yusry Affandy Md Isa, Ribhan Ibrahim, Hayati Hussin, & Abdulloh Salaeh. (2026). Analisis Tahap Kesedaran Rakyat Negeri Sembilan Terhadap Keperluan Pengajian Tafsir Bersistematik Berdasarkan Surah-Surah Lazim Dalam Juzuk 'Amma: An Analysis of the Awareness Level of Negeri Sembilan Citizens Towards the Need for Systematic Tafsir Studies Based on Common Surahs in Juz' Amma. *Ma'ālim Al-Qur'ān Wa Al-Sunnah*, 22(1), 766-794. <https://doi.org/10.33102/jmqs.v22i1.594>
- Copyright : © The Authors
- Licensing :  This article is open access and is distributed under the terms of [Creative Commons Attribution 4.0 International License](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)
- Conflict of Interest : Author(s) declared no conflict of interest.

Analisis Tahap Kesedaran Rakyat Negeri Sembilan Terhadap Keperluan Pengajian Tafsir Bersistematik Berdasarkan Surah-Surah Lazim Dalam *Juzuk 'Amma*

An Analysis of the Awareness Level of Negeri Sembilan Citizens Towards the Need for Systematic Tafsir Studies Based on Common Surahs in *Juz' Amma*

Muhammad Yusry Affandy Md Isa*

Ribhan Ibrahim

Hayati Hussin

Abdulloh Salaeh

Faculty of Quranic and Sunnah Studies
Universiti Sains Islam Malaysia

Abstrak

Juz 'Amma merupakan juz al-Quran yang menghimpunkan surah-surah pendek yang dapat dihafaz dan diamalkan umat Islam dalam ibadat seharian. Kajian ini dirancang untuk mengenalpasti dan seterusnya menganalisis tahap kesedaran rakyat Negeri Sembilan terhadap pemahaman surah-surah lazim dalam *Juz 'Amma*. Pengajian tersebut menjadi asas dan permulaan yang terbaik untuk rakyat Negeri Sembilan dalam memahami maksud al-Quran. Kajian ini dijalankan untuk menilai tahap kesedaran dan pemahaman rakyat Negeri Sembilan terhadap surah-surah lazim dalam *Juz 'Amma* yang menjadi amalan utama dalam ibadat seharian. Kepentingan kajian ini adalah untuk mendokong usaha Islamisasi di kalangan umat Islam dan memperkukuhkan jati diri umat yang beriman selaras dengan slogan Negeri Sembilan "*Bersih, Muafakat dan Sejahtera*". Permasalahan kajian memfokuskan kepada jurang pengetahuan yang signifikan di kalangan rakyat dalam konteks mereka didapati menghafal surah-surah lazim tetapi tidak mengetahui dengan serius terhadap intipati dan tafsirannya, selain ketiadaan sukatan pengajian tafsir yang bersistematik di persada masyarakat. Objektif utama kajian adalah untuk menganalisis data tahap pemahaman rakyat dan mengemukakan saranan modul yang efektif. Metodologi kajian adalah berpandukan kajian kualitatif dengan mengaplikasikan pendekatan soal selidik melalui *Google Form* yang melibatkan 201 responden, temubual bersama 25 responden di lima daerah, serta tinjauan rawak di premis. Hasil dapatan menunjukkan 92.7% responden mempunyai minat yang sangat tinggi untuk mendalami tafsir surah lazim dan lebih 50% didapati masih keliru dengan tema utama surah tertentu. Majoriti responden

*Correspondence concerning this article should be addressed to Muhammad Yusry Affandy Md Isa, Universiti Sains Islam Malaysia at yusry_affandy@usim.edu.my

(81.1%) bersetuju bahawa pengajian tanpa sukatan yang jelas adalah kurang berkesan untuk memupuk pengetahuan terhadap tafsir al-Quran. Justeru, kajian ini merumuskan keperluan penting terhadap pembangunan modul tafsir dan *tadabbur* surah-surah lazim *Juz 'Amma* yang lebih sistematik, padat dan menarik bagi meningkatkan kualiti pengetahuan dan ibadah masyarakat.

Kata kunci: Kesedaran, Rakyat Negeri Sembilan, Tafsir, Surah-surah lazim, *Juzuk 'Amma*.

Abstract

Juz 'Amma is the section of the Quran that compiles short *surahs* (chapters) that can be memorized and practiced by Muslims in their daily worship. This study is designed to identify and subsequently analyze the level of awareness among the people of Negeri Sembilan regarding their understanding of the common *surahs* in *Juz 'Amma*. The study of these chapters serves as an excellent foundation and starting point for the people of Negeri Sembilan to comprehend the meaning of the Quran. Ultimately, this study is conducted to assess the level of awareness and understanding among the citizens of Negeri Sembilan towards the common *surahs* in *Juz 'Amma*, which serve as a primary practice in daily worship. The importance of this study is to support the efforts of Islamization among Muslims and to strengthen the identity of the faithful in line with the Negeri Sembilan slogan “*Bersih, Muafakat and Sejahtera*.” The research problem focuses on the significant knowledge gap among the public, as many are able to memorize the commonly recited *surahs* but do not fully understand their content and interpretation. Additionally, there is a lack of a systematic curriculum for *tafsir* studies within the community. The main objective of the study is to analyze data on the public's level of understanding and to propose recommendations for an effective module. The research methodology is based on a qualitative study, employing a questionnaire approach via Google Forms involving 201 respondents, interviews with 25 respondents from five districts and random surveys at various premises. The findings reveal that 92.7% of respondents have a strong interest in delving into the *tafsir* of commonly recited *surahs*, and over 50% remain confused about the main themes of specific *surahs*. The majority of respondents (81.1%) agreed that unstructured *tafsir* studies are ineffective in fostering knowledge of the Quran's interpretation. Hence, this study concludes the significant need for developing a more systematic, concise and engaging *tafsir* and *tadabbur* module of the common *surahs* in *Juz 'Amma* to enhance the quality of knowledge and worship among the community.

Keywords: Awareness, People of Negeri Sembilan, *Tafsir*, commonly recited *surah*, *Juz 'Amma*.

1. Pendahuluan

Juz 'Amma merupakan juz al-Quran yang menghimpunkan surah-surah pendek yang dapat dihafaz dan diamalkan umat Islam dalam ibadat seharian. Kajian ini dirancang untuk mengenalpasti dan seterusnya menganalisis tahap kesedaran rakyat Negeri Sembilan terhadap pemahaman *surah-surah lazim* yang terkandung dalam *Juz 'Amma*.

Istilah *surah-surah lazim* bukanlah satu istilah yang diperkenalkan secara khusus oleh tokoh ilmuwan tertentu atau kitab klasik Arab. Istilah ini merupakan sebuah istilah budaya dan pendidikan yang berkembang dalam masyarakat Melayu di Nusantara. *Surah-surah lazim* merujuk kepada kumpulan surah-surah pendek di dalam *Juzuk 'Amma* (Juzuk 30) yang biasanya bermula dari *Surah al-Dhuha* sehingga *Surah al-Nas*. Penggunaan perkataan “lazim” membawa maksud kebiasaan kerana surah-surah ini sering menjadi pilihan masyarakat awam untuk dibaca dalam solat fardu dan sunat.¹ Surah-surah lazim adalah berjumlah 22 surah seperti di bawah:

1. *Surah al-Dhuha* (*Waktu Dhuha*): 11 ayat.
2. *Surah al-Sharh* (*Melapangkan*): 8 ayat.
3. *Surah al-Tin* (*Buah Tin*): 8 ayat.
4. *Surah al-'Alaq* (*Segumpal Darah*): 19 ayat.
5. *Surah al-Qadr* (*Kemuliaan*): 5 ayat.
6. *Surah al-Bayyinah* (*Bukti yang Nyata*): 8 ayat
7. *Surah al-Zalzalah* (*Kegoncangan*): 8 ayat.
8. *Surah al-'Adiyat* (*Kuda Perang yang Berlari Kencang*): 11 ayat.
9. *Surah al-Qari'ah* (*Hari Kiamat*): 11 ayat.
10. *Surah al-Takathur* (*Bermegah-megah*): 8 ayat.
11. *Surah al-'Asr* (*Demi Masa*): 3 ayat.
12. *Surah al-Humazah* (*Pengumpat*): 9 ayat.
13. *Surah al-Fil* (*Gajah*): 5 ayat.
14. *Surah Quraisy* (*Kaum Quraisy*): 4 ayat.
15. *Surah al-Ma'un* (*Barangan Berguna*): 7 ayat.
16. *Surah al-Kauthar* (*Nikmat yang Banyak*): 3 ayat.
17. *Surah al-Kafirun* (*Golongan Kafir*): 6 ayat.
18. *Surah al-Nasr* (*Pertolongan*): 3 ayat.
19. *Surah al-Masad* (*Simpulan Tali*): 5 ayat.
20. *Surah al-Ikhlash* (*Ikhlas*): 4 ayat.
21. *Surah al-Falaq* (*Waktu Subuh*): 5 ayat.
22. *Surah al-Nas* (*Manusia*): 6 ayat.

Istilah surah-surah lazim kini telah diformalkan dan diperkukuhkan melalui sistem pendidikan moden seperti sukatan Pendidikan Islam di bawah

¹ Mohd. Sani Ismail, *Keberkesanan dan Masalah-Masalah Program KAFA di Negeri Selangor*, Tesis Sarjana (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2003) 168.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan kelas KAFA kendalian Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).² Dunia Arab khususnya para ulama klasik lebih mengunapakai istilah *Qisar al-mufassal* (surah-surah pendek). Ini dapat dilihat dalam karya seperti *al-Itqan fi 'Ulum al-Qur'an*.³ Rantau Nusantara pula lebih mengunapakai istilah *surah-surah lazim*. Penggunaan ini melambangkan identiti masyarakat Islam setempat yang unik dalam urusan pembacaan surah-surah pendek dalam al-Quran.

Tahap kesedaran umat Islam di Negeri Sembilan terhadap keperluan pengajian tafsir *surah-surah lazim* dalam *Juzuk 'Amma* perlu dikenal pasti bagi merangka usaha tambahan ke arah Islamisasi. Menurut *Kamus Dewan* (2005), kesedaran ialah keadaan minda dan ingatan yang bersedia terhadap sesuatu serta kepekaan yang mendalam yang membawa kepada rasa insaf dan faham kepentingan sesuatu perkara. Tahap kesedaran penting dalam memperkukuh jati diri rakyat yang beriman, sekali gus menjana sebuah negeri yang diberkati Allah SWT. Hasrat ini dilihat selari dengan slogan "*Bersih, Muafakat dan Sejahtera*" sebuah gagasan yang diperkenalkan Kerajaan Negeri Sembilan di bawah kepimpinan YAB Dato' Seri Haji Aminuddin bin Harun sejak tahun 2018.⁴

Tahap kesedaran yang dimaksudkan ialah berkaitan tentang sejauhmana rakyat mengetahui makna dan tuntutan ayat yang sering didengar dan dibaca. Ini amat penting supaya latar rakyat Negeri Sembilan yang dekat dengan persekitaran Islam perlu dibuktikan sama ada telah mengetahui atau kurang mengetahui pengetahuan al-Quran. Seterusnya, kemahuan rakyat untuk mendalam pengajian tafsir perlu dikesan supaya pengukuhan dapat dijalankan. Untuk itu, objektif kajian secara lebih khusus ialah mendapatkan data tentang tahap pemahaman rakyat terhadap maksud *surah-surah lazim*, dalam *Juz 'Amma*, menganalisis tahap kesedaran dan kemahuan rakyat terhadap pengajian tafsir yang bersistematik yang dapat dianjurkan pakar bidang tafsir dan mengemukakan saranan khas rakyat terhadap pengajian tafsir di Negeri Sembilan. Tafsir bersistematik yang dimaksudkan ialah tafsir yang mempunyai bahan pengajian dan pengajaran yang tersusun untuk mencapai objektif pembelajaran. Termasuk dalam konteks kandungan tafsir bersistematik ialah pengajian *tadabbur* iaitu penelitian tentang pengajaran al-Quran dalam kehidupan.⁵ Di samping itu, kajian ini juga bakal memperlihatkan kesungguhan

² Nur Hanani binti Mohd Yusof Mohd Yusof & Mohamad Sabri bin Mohd Sani, *Metodologi Hafalan Surah-Surah Lazim Dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah: Satu Tinjauan* (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2020), 226.

³ Al-Suyuti, Jalal al-Din 'Abd al-Rahman, *al-Itqan fi 'Ulum al-Qur'an* (Beirut: Dar-Fikr, 2004), 157.

⁴ Portal Rasmi Kerajaan Negeri Sembilan, <https://www.ns.gov.my/>, Diperolehi pada 13 Januari 2026.

⁵ Al-Khalidi, Solah Abd al-Fattah, *Qawa'id al-Tadabbur li al-Qur'an al-Karim* (Dimasyq: Dar al-Qalam, 2014), 76.

pihak Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah USIM dalam menjayakan pengajian tafsir di persada masyarakat.

Pengajian tafsir surah-surah lazim *Juz 'Amma* menjadi asas dan permulaan yang penting untuk rakyat Negeri Sembilan dalam memahami maksud al-Quran. Kajian ini telah dilakukan untuk mengenalpasti tahap kesedaran rakyat terhadap surah-surah pendek yang sedia diamalkan dalam zikir seharian, solat dan majlis keagamaan. Kajian ini penting dalam usaha para penyelidik tafsir untuk mengenalpasti tahap kesedaran rakyat Negeri Sembilan terhadap pemahaman maksud surah-surah lazim yang terkandung dalam *Juz 'Amma*. Pemahaman terhadap bahagian surah tersebut merupakan asas kewajipan seseorang mukmin dalam mengamati al-Quran. Hasil dapatan kajian dapat dimanfaatkan pihak kerajaan dan pihak berkemahiran tafsir untuk menambahbaik tahap kesedaran rakyat terhadap al-Quran yang merupakan tanggungjawab murni selaku umat Islam.

Tahap kesedaran yang akan diselidiki ialah berkaitan tentang sejauhmana rakyat mengetahui makna dan tuntutan ayat yang sering didengar dan dibaca. Ini amat penting kerana sekurang-kurangnya rakyat Negeri Sembilan yang sinonim dengan persekitaran Islam dapat dibuktikan sama ada mereka mengetahui atau kurang mengetahui bahagian pengajaran tertentu daripada al-Quran. Seterusnya, kecenderungan rakyat untuk mendalam pengajian tafsir perlu dikesan. Perkembangan positif berlaku di Marang, Terengganu, ramai di kalangan rakyat turun menghadiri kuliah tafsir di masjid iaitu di kawasan pertengahan bandar. Menyedari keadaan ini, kecenderungan rakyat di negeri lain terhadap pengajian tafsir perlu juga dikesan. Adalah diharapkan momentum pengaruh al-Quran turut berlaku di seluruh Negeri Sembilan atau di daerah tertentu.

Hasil daripada kajian ini, para pengkaji akan menyumbangkan beberapa saranan tentang kaedah pengukuhan pengajian tafsir asas terutama surah-surah lazim *Juz 'Amma*. Kajian akan menumpukan kepada aspek langkah-langkah untuk mengukuhkan pengetahuan, pemahaman, penerimaan dan pengamalan rakyat. Kajian ini akan melibatkan lapisan masyarakat peringkat lepasan sekolah menengah hingga ke peringkat warga emas di kalangan rakyat Negeri Sembilan. Pihak pengkaji turut mensasarkan untuk menemui aktivitis masjid, peneraju insituti pendidikan, golongan peniaga, penjawat awam, pekerja swasta, penganggur dan belia awam. Sekiranya dapatan kajian menyebut bahawa rakyat Negeri Sembilan mahukan pengajian tafsir yang mudah dipelajari dan berbentuk terkini, maka kajian ini akan mencari satu resolusi terbaik yang dapat dilakukan pihak berautoriti. Implikasinya Kerajaan Negeri Sembilan dan rakyatnya memiliki pengajian yang diterima di segenap lapisan, seragam dan menjadi model pengajian tafsir bersistematik di Malaysia.

2. Permasalahan Kajian

Juz 'Amma merupakan bahagian juz akhir al-Quran yang menghimpunkan surah-surah pendek. Surah-surah ini khasnya surah-surah lazim sentiasa dihafaz dan diamalkan umat Islam dalam ibadat seharian. Walau bagaimanapun, hakikat pembacaan surah-surah ini sepatutnya menjadi asas dan permulaan terbaik untuk memahami maksud al-Quran secara keseluruhan sering kali diabaikan masyarakat tempatan. Keadaan ini menimbulkan satu persoalan kritikal mengenai sejauh mana amalan pembacaan yang berterusan ini disulami dengan pemahaman makna yang tepat, khususnya dalam kalangan rakyat Negeri Sembilan. Oleh itu, kajian ini dirancang untuk mengenal pasti dan menganalisis tahap kesedaran mereka terhadap pemahaman kandungan surah tersebut demi merapatkan jurang antara amalan ritual dan kefahaman yang dikehendaki Islam.

Dari sudut sosiolinguistik dan budaya, istilah surah-surah lazim bukanlah satu terminologi yang diperkenalkan secara khusus oleh tokoh ilmuwan tertentu atau kitab klasik Arab. Sebaliknya, istilah ini merupakan sebuah konsep budaya dan pendidikan yang berkembang unik dalam masyarakat Melayu di Nusantara bagi merujuk kepada kumpulan surah pendek di dalam *Juzuk 'Amma*, bermula dari *Surah al-Dhuha* sehingga *Surah al-Nas*. Penggunaan perkataan "lazim" membawa implikasi kebiasaan kerana surah-surah ini sering menjadi pilihan utama masyarakat awam dalam solat fardu dan sunat. Permasalahannya, sifat "kebiasaan" membaca ini dikhuatiri melahirkan amalan yang bersifat rutin semata-mata, di mana para pembaca sekadar menghafaz teks tanpa menyedari pengajaran tersirat di sebalik ayat yang dibaca.

Keadaan ini menjadi lebih kompleks apabila istilah tersebut kini telah diformalkan dan diperkukuhkan melalui sistem pendidikan moden seperti sukatan Pendidikan Islam di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan kelas KAFA kendalian Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Pendekatan ini menunjukkan perbezaan dengan tradisi dunia Arab dan para ulama klasik yang lebih mengunapakai istilah *Qisar al-mufassal* (surah-surah pendek). Walaupun penggunaan istilah surah-surah lazim di Nusantara melambangkan identiti unik masyarakat Islam setempat, keberkesanan pengajian surah-surah lazim di semua peringkat usia masih belum dinilai secara dalam konteks kefahaman dan kesedaran tafsir. Golongan dewasa lebih penting untuk mengetahui dan menyedari kepentingannya supaya menjadi contoh terbaik kepada generasi muda atau generasi pelajar.

Kegagalan dalam mengenal pasti tahap kesedaran umat Islam di Negeri Sembilan terhadap keperluan pengajian tafsir surah-surah lazim dalam *Juzuk 'Amma* ini akhirnya membantutkan usaha merangka modul Islamisasi yang berkesan. Langkah menilai tahap pengetahuan ini amat penting dalam memperkukuh jati diri rakyat yang beriman, sekali gus menjana sebuah negeri

yang diberkati Allah SWT. Kekosongan data saintifik mengenai perkara ini juga menyukarkan pencapaian hasrat yang selari dengan slogan “*Bersih, Muafakat dan Sejahtera*” yang menuntut pembentukan modal insan yang seimbang dari sudut spiritual dan intelektual.

Isu teras yang menjadi fokus utama permasalahan ini adalah berkaitan tentang sejauh mana rakyat benar-benar mengetahui makna dan tuntutan ayat yang sering mereka dengar dan baca dalam aktiviti ibadah harian. Latar belakang masyarakat Negeri Sembilan yang dekat dengan persekitaran Islam perlu dibuktikan secara ilmiah, sama ada mereka sememangnya telah menguasai pengetahuan al-Quran atau sebaliknya. Selain itu, tahap kemahuan rakyat untuk mendalami pengajian tafsir juga masih belum dikesan secara sistematik menyebabkan agensi keagamaan sukar untuk merancang program pengukuhan ilmu wahyu yang benar-benar menepati keperluan dan kecenderungan sebenar khalayak sasaran.

Bagi menyelesaikan kemelut tersebut, objektif kajian ini difokuskan secara khusus untuk mendapatkan data konkrit tentang tahap pemahaman rakyat terhadap maksud surah-surah lazim dalam *Juz ‘Amma*. Di samping itu, kajian ini bertindak menganalisis tahap kesedaran dan kemahuan rakyat terhadap pengajian tafsir yang bersistematik yang dikendalikan oleh pakar bidang tafsir serta mengemukakan saranan khas untuk pelaksanaan peringkat institusi. Melalui pendekatan ini, kajian bukan sahaja mampu menyelesaikan masalah literasi tafsir masyarakat, malah secara langsung memperlihatkan komitmen dan kesungguhan pihak Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan sokongan kerajaan dalam menjayakan pengajian tafsir di persada masyarakat awam.

Kesimpulannya, wujud jurang yang nyata antara kekerapan membaca surah-surah pendek dalam *Juz ‘Amma* dengan tahap penghayatan maknanya yang perlu dikaji dengan penyelidikan khas. Memandangkan pengajian tafsir surah-surah lazim merupakan tapak asas terpenting untuk memahami keseluruhan al-Quran, maka kajian ini amat mustahak dilaksanakan segera. Penyelidikan ini akan memberikan satu dapatan dan resolusi bernatijahkan maklum balas rakyat Negeri Sembilan. Selanjutnya pihak penyelidik juga menghadapi cabaran dalam menganalisis data dan menyesuaikan cadangan yang tercetus daripada pelbagai latar responden. Ini kerana terdapat cadangan mereka yang realistik dan tidak sesuai untuk diterapkan dalam pengajian awam.

3. Objektif Kajian

Objektif utama kajian ini dilaksanakan adalah untuk mendapatkan data yang komprehensif mengenai tahap pemahaman rakyat Negeri Sembilan terhadap maksud surah-surah lazim dalam *Juz ‘Amma*. Pengumpulan data ini amat penting bagi menilai sejauh mana masyarakat awam memahami, menghayati,

dan menterjemahkan intipati ayat-ayat al-Quran yang sering mereka baca dalam ibadah seharian ke dalam kehidupan harian.

Di samping itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis tahap kesedaran dan kemahuan rakyat terhadap pengajian tafsir yang bersistematik. Melalui penelitian ini, pihak pengkaji dapat mengukur sejauh mana keterbukaan serta keinginan masyarakat untuk mengikuti kelas-kelas tafsir berstruktur. Hasil penganalisan data, pihak pengkaji dapat mengetahui data terkini responden yang mewakili Negeri Sembilan.

Seterusnya, hasil kajian ini amat signifikan untuk mengemukakan saranan strategik berhubung kesedaran rakyat terhadap pengajian tafsir tersebut. Cadangan dan formula yang diusulkan hasil daripada kajian ini dilihat berpotensi besar dalam menjayakan misi kesejahteraan agama serta memurnikan kelestarian hidup masyarakat Islam di Negeri Sembilan secara menyeluruh dan holistik.

4. Batasan Kajian

Batasan kajian ini menghadkan skop pengkajian terhadap tahap kesedaran dan pemahaman makna khusus kepada kumpulan surah-surah lazim yang terkandung di dalam *Juz 'Amma* (Juzuk 30) sahaja. Meskipun al-Quran mempunyai 30 juzuk secara keseluruhannya, *Juz 'Amma* dipilih sebagai landasan kajian disebabkan kedudukannya yang menghimpunkan surah-surah pendek yang paling kerap dihafaz dan sedia diamalkan oleh umat Islam dalam ibadah serta zikir seharian. Dengan menghadkan skop kepada surah-surah lazim ini, kajian dapat memberikan fokus yang mendalam untuk membuktikan secara empirikal sejauh mana latar belakang rakyat yang dekat dengan persekitaran Islam selari dengan pengetahuan mereka terhadap makna dan tuntutan ayat yang sering dibaca. Surah-surah di luar *Juz 'Amma* tidak dimasukkan dalam kajian ini bagi memastikan fokus utama untuk mengesan kemahuan rakyat mendalami pengajian tafsir asas dapat dicapai dengan tepat.

Dalam konteks sasaran demografi dan lokasi geografi, batasan kajian ini menghadkan skop edaran data kepada penduduk di kawasan tumpuan tertentu di Negeri Sembilan iaitu Seremban, Port Dickson, dan Rembau. Daerah-daerah lain di Negeri Sembilan tidak diwujudkan sebagai sasaran kajian bagi memastikan proses pengumpulan dan penganalisan data kekal fokus, efisien dan terkawal dalam tempoh masa yang ditetapkan. Daerah-daerah ini mewakili petempatan bandar, pertengahan bandar dan luar bandar. Selain itu, prosedur pengumpulan data primer ini dihadkan secara digital dengan mengaplikasikan borang soal selidik *Google Form* sahaja tanpa melibatkan edaran borang secara fizikal. Kaedah ini dipilih kerana ia lebih praktikal dan pantas serta bersifat data tetap hasil maklum balas komuniti sasaran di ketiga-tiga daerah.

Seterusnya, batasan instrumen kajian ini dikecilkan skopnya kepada empat bahagian utama di dalam soal selidik untuk mengukur amalan harian responden. Skop tersebut tertumpu pada perihal pembacaan surah-surah lazim di dalam atau di luar solat, pengalaman mengikuti kuliah tafsir serta minat mereka terhadap keperluan pembangunan modul pengajian tafsir yang bersistematik. Bagi melengkapkan data kuantitatif tersebut, bahagian keempat instrumen difokuskan kepada soalan berbentuk temu bual rawak berbentuk jawapan subjektif. Menerusi temu bual, pendapat serta cadangan terbuka responden dapat dikenalpasti khasnya mengenai kaedah pelaksanaan kuliah tafsir dan pemeraksanaan bahan pengajian di masa hadapan, tanpa melakukan penilaian psikometrik atau ujian kognitif yang kompleks. Tujuan batasan-batasan ini diwujudkan adalah supaya keseluruhan kajian benar-benar memberikan tumpuan penuh kepada penilaian tahap kesedaran dan kemahuan yang dinyatakan secara langsung oleh komuniti di kawasan tumpuan terhadap pengajian tafsir surah-surah lazim.

5. Kajian Lepas

Zulkifli dan Ahmad (2015) menulis artikel bertajuk “*Tahap Penguasaan dan Penghayatan al-Quran dalam Kalangan Belia: Satu Analisis*” yang menilai sejauh mana golongan muda menguasai bacaan dan memahami kandungan al-Quran. Kajian ini mendapati bahawa walaupun majoriti belia mempunyai kemahiran membaca yang baik tetapi tahap kefahaman mereka terhadap makna ayat-ayat al-Quran masih berada pada tahap sederhana dan lemah. Penyelidik menyarankan agar institusi pendidikan wajar memperkasakan kaedah pembelajaran interaktif bagi meningkatkan minat dan kefahaman belia terhadap mesej utama al-Quran dalam mendepani cabaran moden. Tanpa inisiatif dan program intensif pemantapan kefahaman al-Quran daripada pihak institusi dan kerajaan, tahap kefahaman tidak akan meningkat.

Masjid merupakan institusi pengajian tafsir dalam konteks masyarakat awam. Rozani *et. al.* (2026) menerusi artikel bertajuk “*Kerangka Pedagogi Pengajian al-Quran Berasaskan Masjid: Pengintegrasian Tilawah, Tadabbur dan Amal*” mengetengahkan kepentingan pengajian di masjid yang bukan lagi sekadar kelas tradisional, tetapi telah diintegrasikan sebagai pendidikan komuniti yang tersusun. Kajian juga memfokuskan kepada kaedah *tadabbur* dan tilawah untuk lapisan masyarakat komuniti termasuk warga dewasa agar selari dengan pendekatan era moden.

Antara kajian yang meneliti pengajian al-Quran kepada golongan dewasa di Malaysia ialah artikel “*Kelestarian Literasi al-Quran Sepanjang Hayat: Impak Media Sosial, Kepimpinan Guru dan Persekitaran Islamik di Malaysia*.” Ahmad Daud (2026) membincangkan keperluan pendekatan andragogi terhadap orang dewasa, cabaran psikologi seperti perasaan malu serta menyarankan keperluan membina modul bimbingan tanpa menghukum (*non-judgmental*) bagi

mengekalkan tahap literasi al-Quran dan motivasi pembelajaran dalam jangka masa panjang.

“*Kesedaran Masyarakat Terhadap Kepentingan Ilmu Tafsir: Kajian di Daerah Seremban*” adalah sebuah artikel ilmiah yang membincangkan tahap kefahaman komuniti setempat terhadap tafsir al-Quran. Mohd Najib *et al.* (2019) selaku pengarang telah memberi fokus khusus terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi minat masyarakat untuk menghadiri kuliah-kuliah tafsir di masjid dan surau. Hasil kajian menunjukkan bahawa kekangan masa dan ketiadaan asas bahasa Arab menjadi halangan utama. Justeru artikel ini menekankan keperluan penyampaian tafsir yang lebih santai dan mudah difahami oleh orang awam. Di samping itu, pendekatan penerangan tafsir dengan menggunakan bahasa tempatan wajar diketengahkan.

Norhafizah dan Mohd Yakub (2017) telah menyentuh perihal penguasaan makna ayat al-Quran menerusi artikel bertajuk “*Kefahaman Terhadap Surah-Surah Lazim: Analisis Tahap Pengetahuan Terjemahan al-Quran Komuniti Setempat.*” Menerusi artikel ini, perbincangan mengenai kepentingan memahami apa yang dibaca ketika solat, khususnya surah-surah dalam *Juz ‘Amma* telah dibincangkan. Aspek terpenting yang ditemui ialah terdapat jurang yang ketara antara kebolehan menghafaz dengan keupayaan menterjemah makna surah. Pihak pengarang mencadangkan kaedah latihan makna perkataan demi perkataan untuk mengatasi masalah tersebut. Dalam pada itu, kesediaan masyarakat untuk mengikuti sepenuhnya pengajian menjadi cabaran besar buat para pengendali tafsir kerana mereka berdepan dengan perbezaan latar belakang masyarakat.

Rohani dan Asma (2021) menerusi artikel ilmiah bertajuk “*Tahap Celik al-Quran dan Amalan Tadabbur dalam Kalangan Penjawat Awam*” mengkaji hubungan antara kelancaran membaca al-Quran dengan amalan merenung makna. Kajian ini menegaskan bahawa amalan *tadabbur* tidak seharusnya terhad kepada golongan agamawan sahaja. Amalan ini perlu dibudayakan terhadap seluruh lapisan masyarakat demi merealisasikan masyarakat yang berpegang erat dengan al-Quran. Artikel ini mengupas bagaimana kesedaran yang tinggi terhadap maksud ayat al-Quran mampu memberi impak positif kepada etika kerja dan pembentukan sahsiah yang berintegriti dalam organisasi.

Sebuah tesis sarjana oleh Khairul Anuar (2016) bertajuk “*Penilaian Tahap Pengetahuan Ilmu Tajwid dan Kefahaman Makna Ayat al-Quran dalam Kalangan Masyarakat Awam*” memperincikan hubungan kait antara hukum-hukum bacaan dengan penghayatan makna. Penulis memberikan tumpuan kepada sejauh mana ketepatan *makhraj* huruf mempengaruhi kefahaman seseorang terhadap struktur ayat al-Quran. Kandungan tesis ini menjadi rujukan penting dalam membuktikan bahawa penguasaan ilmu tajwid yang mantap merupakan jambatan utama kepada penguasaan ilmu tafsir yang lebih mendalam dalam kalangan masyarakat awam. Cabaran yang timbul ialah

pembelajaran tajwid menuntut kesabaran yang tinggi untuk mendalami bab-bab asas sehingga berjaya mempratikkan bacaan bertajwid dengan sempurna. Lazimnya pelajar yang menguasai tajwid adalah turut berpotensi untuk terus mendalami ilmu dalaman al-Quran seperti tafsir.

“*Aplikasi Ilmu Tafsir dalam Kehidupan Sehari-hari: Satu Kajian Tahap Pengetahuan Komuniti Muallaf*” merupakan artikel ilmiah tulisan Siti Hazwani dan Fauzi (2020) yang meneliti cabaran golongan muallaf atau saudara baru dalam mendalami al-Quran. Kajian ini memberikan fokus khusus kepada modul pengajaran tafsir yang bersesuaian dengan tahap pengetahuan awal mereka yang masih di peringkat asas. Hasil perbincangan menekankan bahawa pendekatan tafsir tematik (*maudhu’i*) yang ringkas didapati lebih berkesan dalam meningkatkan pemahaman dan kesedaran mereka berbanding kaedah tafsir teoritikal yang kompleks. Untuk merealisasikan, modul yang bersesuaian perlu diwujudkan untuk komuniti muallaf.

Abdul Rahman *et al.* (2018) telah mengupas isu literasi al-Quran di kawasan pedalaman melalui artikel bertajuk “*Kajian Keupayaan Membaca dan Memahami Al-Quran: Fokus Kepada Masyarakat Luar Bandar.*” Menerusi kajian ini, tahap pengetahuan responden terhadap maksud surah-surah asas dianalisis secara kuantitatif. Penyelidik mendapati bahawa pendedahan awal di peringkat sekolah rendah amat membantu mengekalkan tahap pengetahuan al-Quran. Dalam pada itu, penguasaan ilmu tafsir dan makna mendalam masih memerlukan bimbingan berterusan daripada institusi agama negeri secara berkala.

Muhammad Izwan (2022) menulis artikel bertajuk “*Tahap Pengetahuan dan Kecenderungan Masyarakat Terhadap Pembelajaran Tafsir Al-Quran al-Karim*” yang menyentuh persepsi masyarakat terhadap kelas pengajian tafsir moden. Kajian ini mengesahkan bahawa masyarakat masa kini mempunyai kecenderungan yang tinggi untuk memahami mukjizat al-Quran. Akan tetapi mereka sering kali keliru dengan lambakan informasi dan metodologi tafsir yang tersedia di media sosial. Artikel ini mengupas kepentingan kawalan kualiti terhadap kandungan tafsir digital bagi memastikan masyarakat menerima ilmu yang sahih serta meningkatkan tahap pengetahuan tafsir mereka secara berstruktur lagi selari dengan syarak.

Kesimpulan berdasarkan kajian lepas, pengukuran tahap kesedaran tafsir surah-surah lazim *Juzuk ‘Amma* dalam kalangan rakyat Negeri Sembilan merupakan satu keperluan yang sangat kritikal demi memastikan amalan membaca Al-Quran disulami dengan penghayatan makna yang mendalam. Langkah ini amat penting kerana kajian-kajian lepas seperti oleh Zulkifli dan Ahmad (2015) serta Norhafizah dan Mohd Yakub (2017) mendedahkan wujudnya jurang yang ketara dalam masyarakat, di mana majoriti komuniti mempunyai kemahiran membaca dan menghafaz yang baik tetapi tahap kefahaman makna ayat masih berada pada paras sederhana dan lemah.

Selain itu, penilaian ini sangat penting bagi membantu institusi agama merancang strategi penyampaian ilmu tafsir yang lebih realistik dan praktikal demi mengatasi kekangan yang dihadapi oleh masyarakat awam. Merujuk kepada kajian Mohd Najib *et al.* (2019) di Daerah Seremban, faktor seperti kekangan masa dan ketiadaan asas bahasa Arab menjadi halangan utama masyarakat untuk menghadiri kuliah-kuliah tafsir di masjid dan surau. Oleh yang demikian, data daripada pengukuran kesedaran ini akan membolehkan pihak berautoriti menyusun program tafsir yang lebih santai, mudah difahami, menggunakan pendekatan bahasa tempatan yang dekat dengan jiwa masyarakat, serta menerapkan kaedah latih tubi makna perkataan demi perkataan untuk mengatasi masalah penguasaan terjemahan tersebut.

Kepentingan mengukur tahap kesedaran ini juga terletak pada keupayaan untuk membentuk modul pengajian tafsir yang bersesuaian dengan kepelbagaian demografi penduduk di Negeri Sembilan. Pengkaji seperti Siti Hazwani dan Fauzi (2020) menekankan keperluan modul tafsir tematik (*maudhu'i*) yang ringkas untuk golongan *mualaf*, manakala Zulkifli dan Ahmad (2015) menyarankan kaedah pembelajaran interaktif demi menarik minat golongan belia dalam mendepani cabaran moden. Dalam kajian Khairul Anuar (2016) turut membuktikan bahawa penguasaan ilmu tajwid yang mantap merupakan jambatan utama kepada penguasaan ilmu tafsir. Implikasi kajian-kajian ini, mendedahkan bahawa inisiatif silibus yang berfokus, pembacaan bertajwid dan metodologi pengajaran yang meraikan perbezaan latar belakang masyarakat adalah suatu keperluan dalam pengajian wahyu.

6. Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Kaedah pengumpulan data, pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen digunakan untuk menghasilkan fakta analisis terpenting dan data rumusan.⁶ Prosedur pengumpulan data dimulakan dengan mengaplikasikan borang soal selidik *Google Form* yang disasarkan ke kawasan tumpuan kajian iaitu:

- i. Seremban dan Port Dickson: mewakili masyarakat bandar.
- ii. Jempol : mewakili masyarakat luar bandar.
- iii. Rembau: mewakili masyarakat pertengahan bandar.

Senarai semak atau panduan pertanyaan perlu digunakan dalam kajian yang melibatkan sejumlah responden untuk ditemu bual.⁷ Para pengkaji telah memutuskan aspek soalan sebelum berada di lapangan. Senarai semak ini

⁶ Merriam Sharan Barney, *Qualitative Research and Case Study Applications in Education* (San Francisco: Jossey-Bass Publishers, 2001), 46.

⁷ Kamarul Azmi Jasmi, *Kesahan dan Kebolehpercayaan Dalam Kajian Kualitatif*, Kertas kerja Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 (Johor Bahru: Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Temenggong Ibrahim, 2012), 8.

mbolehkan sesuatu penyelidikan tidak tertinggal aspek-aspek penting yang menjadi tunjang kajian.

Bagi memperkukuhkan data terkumpul tersebut, metod temubual turut dilaksanakan melibatkan rakaman dan transkripsi perbualan bersama responden terpilih untuk tujuan mendapatkan pandangan yang lebih mendalam. Selain itu, metod tinjauan dijalankan dengan meneliti premis-premis yang mempunyai kaitan relatif terhadap responden bagi memahami konteks persekitaran mereka. Akhir sekali, metod penganalisan diaplikasikan melalui analisis deskriptif untuk mengukur tahap kefahaman responden manakala analisis deduktif digunakan bagi merumuskan dapatan teori yang baharu.

Instrumen kajian ini dibangunkan berlandaskan 32 soalan yang mempunyai empat bahagian utama. Bahagian pertama memfokuskan kepada maklumat demografi yang mengumpul latar belakang responden merangkumi jantina, umur, daerah tempat tinggal, peringkat pendidikan akhir, dan status pekerjaan. Bahagian kedua menilai pengetahuan mengenai *surah-surah lazim*. Terdapat sembilan soalan yang menguji tahap kefahaman responden terhadap kedudukan serta pengertian surah-surah tertentu dalam *Juzuk 'Amma*, seperti *Surah al-Fatihah*, *Surah al-Kauthar*, *Surah al-Ikhlâs*, *Surah al-Kafirun* dan *Surah al-Dhuha*.

Bahagian ketiga merupakan komponen terpenting yang menyentuh aspek kesediaan, pengalaman dan minat responden. Sebanyak 16 soalan dikemukakan bagi meninjau amalan harian responden dalam membaca *surah-surah lazim* di dalam atau di luar solat, pengalaman mengikuti kuliah tafsir serta sejauh mana keperluan dan minat responden terhadap pembangunan modul pengajian tafsir yang lebih bersistematik. Sebagai pelengkap kajian, bahagian keempat soalan menyediakan soalan temuramah rawak berbentuk subjektif. Bahagian ini bertujuan untuk mengumpulkan pendapat dan cadangan terbuka mengenai kaedah pelaksanaan kuliah tafsir serta langkah-langkah pemerkasaan bahan pengajian tafsir *surah-surah lazim* di masa hadapan.

7. Dapatan Kajian Dan Perbincangan

Bahagian A: Profil Demografi Responden

Berdasarkan data yang diperoleh daripada kajian ini, jumlah responden ialah seramai 201 orang. Majoriti responden ialah lelaki iaitu sebanyak 63.8%. Pihak wanita pula ialah 36.2%. Data ini menunjukkan bahawa pihak lelaki lebih dominan dalam kajian ini. Majoriti responden berada dalam kategori umur 31 tahun hingga 60 tahun dengan peratusan sebanyak 69.6%. Ini menunjukkan

bahawa kebanyakan responden adalah golongan pertengahan umur berbanding golongan belia di bawah umur 30 tahun.

Sebahagian besar responden berasal dari daerah Seremban, dengan peratusan sebanyak 79.7%. Sementara itu, responden dari daerah Kuala Pilah, Jempol, Port Dickson dan Rembau masing-masing mencatatkan peratusan yang kecil, iaitu 7.2%, 5.8%, 4.3%, dan 2.9%. Mengenai latar belakang pendidikan, majoriti responden mempunyai kelulusan sarjana muda yang mencatatkan peratusan tertinggi iaitu 42.0%. Diikuti dengan responden yang memiliki kelulusan sarjana sebanyak 24.6%, SPM sebanyak 17.4%, dan diploma sebanyak 13.0%. Hanya 1.4% responden yang memiliki kelulusan doktor falsafah dan pendidikan sekolah menengah. Data ini menunjukkan bahawa kebanyakan responden mempunyai tahap pendidikan di peringkat sarjana muda. Golongan ini dinilai sebagai golongan yang pernah mendapat pengalaman pendidikan yang tersusun daripada pelbagai universiti.

Dalam hal pekerjaan, majoriti responden bekerja dalam bidang pendidikan dengan peratusan terbesar 12.9% adalah guru, diikuti oleh pensyarah (7.2%), pegawai latihan (2.8%) dan pesara guru (1.4%). Secara keseluruhannya, 24.3% responden terlibat dalam sektor pendidikan. Latar belakang responden tersebut dapat menyumbang idea yang realistik berbanding sebahagian responden yang lain kerana faktor pengalaman mereka dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran.

Bahagian B: Tahap Pengetahuan Sedia Ada

Pengetahuan responden mengenai kedudukan *surah-surah lazim* menunjukkan keputusan yang positif. Sebahagian besar responden dengan kadar 55.1%, menyatakan bersetuju bahawa surah-surah lazim terdapat dalam *Juzuk 'Amma*. 23.2% responden memberikan jawapan sangat setuju.

Secara keseluruhan, sebanyak 78.3% responden memilih kategori sangat setuju dan setuju dan ini menunjukkan majoriti responden mempunyai pengetahuan yang baik mengenai kedudukan surah-surah lazim dalam *Juzuk 'Amma*. Hanya 20.3% responden yang tidak pasti. Sementara 1.4% lagi menyatakan tidak setuju.

Dalam persoalan mengenai pengetahuan tentang pengertian umum bagi *Surah al-Fatihah*, majoriti responden (97.1%) memilih kategori sangat setuju dan setuju. Ini menunjukkan tahap persetujuan atau kesedaran yang tinggi berkenaan pengetahuan pengertian umum bagi *Surah al-Fatihah*. Dalam persoalan mengenai *Surah al-Kauthar*, majoriti responden (79.7%) memilih kategori sangat setuju dan setuju bahawa surah terpendek dalam al-Quran ialah *Surah al-Kauthar*. Dalam pada itu, 20.2% tidak mempunyai jawapan yang positif. Sewajarnya peratus responden perlu lebih tinggi dalam pengetahuan tentang

surah terpendek. Umat Islam mempunyai tanggungjawab untuk mengetahui kandungan asas al-Quran.

Dalam persoalan mengenai pengetahuan tafsiran khusus bagi surah terpendek iaitu *Surah al-Kauthar*, data yang diperolehi menunjukkan terdapat jurang pengetahuan responden. Sebanyak 42.0% responden menyatakan mereka tidak pasti mengenai tafsiran tersebut, manakala 42.0% lagi memberikan jawapan setuju, dan 11.6% responden menyatakan mereka sangat setuju dengan pengetahuan tafsiran *Surah al-Kauthar*.

Sebahagian responden memberi jawapan tidak setuju (2.9%) dan sangat tidak setuju (1.4%). Dengan maksud lain, mereka tiada pengetahuan tafsiran khusus *Surah al-Kauthar*. Data-data ini menunjukkan masih terdapat isu ketidakpastian dan ketiadaan pengetahuan. Situasi ini menggambarkan keperluan pendedahan dan pengajaran tafsiran al-Quran.

Berdasarkan data yang diperolehi mengenai pengertian umum keseluruhan *surah-surah lazim*, sebanyak 42.0% responden menyatakan mereka tidak pasti tentang pengetahuan tersebut. Selain itu, 39.1% responden setuju, manakala 7.2% responden sangat setuju, dan 8.7% tidak setuju. Terdapat juga 2.9% responden yang sangat tidak setuju atau sangat tidak mengetahui pengertian umum *surah-surah lazim*.

Secara keseluruhan, hampir separuh responden dengan kadar 53.6%, memilih kategori tidak pasti, tidak setuju, dan sangat tidak setuju. Ini menunjukkan terdapat jurang pengetahuan atau ketidakpastian mengenai pengertian umum keseluruhan *surah-surah lazim*. Situasi ini menggambarkan keperluan pendedahan dan pengajaran tafsiran al-Quran yang lebih efektif dalam menyampaikan pengertian surah-surah lazim kepada mereka.

Berdasarkan analisis data mengenai pengetahuan responden mengenai tafsiran khusus keseluruhan *surah-surah lazim*, sebanyak 53.6% responden menyatakan mereka tidak pasti, sementara 23.2% setuju, 15.9% tidak setuju, dan 4.3% sangat tidak setuju. Hanya 2.9% responden yang sangat setuju bahawa mereka mempunyai pengetahuan tafsiran khusus *surah-surah lazim*.

Secara keseluruhan, 73.8% responden memilih kategori tidak pasti, tidak setuju dan sangat tidak setuju. Ini menunjukkan terdapat isu kekurangan pengetahuan atau ketidakpastian mengenai tafsiran khusus keseluruhan *surah-surah lazim*. Peratusan responden yang tinggi dalam kategori ini berkait rapat dengan isu jurang pengetahuan atau ketidakpastian yang telah dibincangkan sebelum ini dalam persoalan pengetahuan pengertian umum keseluruhan *surah-surah lazim*. Ini menunjukkan bahawa terdapat keperluan untuk memperkukuhkan pemahaman mengenai tafsiran *surah-surah lazim*.

Bahagian C: Kefahaman Konsep



46.3% responden memilih jawapan yang tepat mengenai kandungan utama *Surah al-Ikhlas* tidaklah berkaitan dengan seruan Allah S.W.T. untuk sentiasa berniat ikhlas ketika solat. Seramai 53.6% responden pula memilih kategori tidak pasti, sangat setuju dan setuju. Ini menunjukkan masih ramai responden yang tidak mengetahui kandungan utama *Surah al-Ikhlas*. Jawapan sebenar ialah seruan Allah S.W.T. dalam mentauhidkan-Nya atau prinsip asas 'aqidah.⁸

Persoalan berikutnya menyentuh adakah kandungan utama *Surah al-Kafirun* ialah berkaitan kewajipan menjauhkan diri daripada membina petempatan berhampiran orang-orang kafir. Majoriti responden (30.4%) memilih kategori sangat tidak setuju. Ini menunjukkan peratusan jawapan lain adalah lebih banyak. Peratusan dalam jawapan sangat setuju dan setuju (30.4%) serta tidak pasti (13%) adalah menunjukkan kesalahfahaman dan tiada pengetahuan tafsir terhadap kandungan *Surah al-Kafirun*. Kandungan *Surah al-Kafirun* secara khusus adalah menekankan tentang perbezaan kefahaman 'aqidah antara agama dan prinsip kepercayaan kepada Tuhan dalam Islam.⁹ Tiada sama sekali kandungan nas atau tafsiran ayat ke arah melarang petempatan umat Islam berhampiran orang-orang kafir.

Seterusnya persoalan tentang adakah kandungan utama *Surah al-Dhuha* ialah berkaitan saranan untuk menunaikan *Solat Dhuha*. Berdasarkan data, 37.6% responden memilih kategori sangat setuju dan setuju. Manakala jawapan tidak pasti ialah 13%. Gabungan peratusan tersebut ialah 50.6%. Pihak yang mempunyai jawapan yang betul ialah 49.3%. Kelihatan jawapan antara betul dan salah adalah seimbang. Kalimah *al-Dhuha* dipercayai menjadi penyebab sebahagian responden menjustifikasikan *Surah al-Dhuha* adalah mengandungi seruan menunaikan *Solat Sunat Dhuha*. Fakta tafsiran sebenar ialah surah ini menekankan bahawa Allah tidak sekali-kali mensia-siakan hamba-Nya ketika mengalami ujian kehidupan. Surah ini juga menggariskan pesanan penting dalam interaksi sosial seperti kewajipan menyantuni anak yatim, larangan menghina golongan yang memerlukan bantuan serta seruan perkongsian nikmat.¹⁰

Bahagian D: Kesediaan dan Amalan

Persoalan dimulakan dengan persoalan adakah responden sedia mengamalkan pembacaan *surah-surah lazim* ketika solat. Majoriti responden (98.5%) memilih kategori sangat setuju dan setuju. Ini menunjukkan tahap persetujuan atau kesedaran yang tinggi terhadap keperluan mengamalkan pembacaan *surah-*

⁸ Al-Zuhaili, Wahbah, *al-Tafsir al-Munir* (Beirut-Lubnan: Dar al-Fikr, 2018), j. 15, 448-455.

⁹ Ibn Kathir, Abu al-Fida' Isma'il bin 'Umar, *Tafsir al-Qur'an al-'Azim* (Beirut-Lubnan: Dar Ibn Hazm, 2000), 1951-1953.

¹⁰ Hamka, *Tafsir al-Azhar* (Jakarta: Pustaka Panjimas, 1982), j.30, 190-194.

surah lazim ketika solat. Dalam hal pengamalan ketika luar solat seperti dalam majlis zikir, *tahlil* atau ketika santai, majoriti responden (95.7%) memilih kategori sangat setuju dan setuju. Ini menunjukkan majoriti responden sedia mengamalkan pembacaan *surah-surah lazim* ketika luar solat.

Persoalan selanjutnya menyentuh adakah responden bersetuju bahawa pengetahuan umum tafsir *surah-surah lazim* dapat membantu agar lebih khusyuk dalam solat dan ketika mengamalkan bacaan al-Quran. 100% responden memilih jawapan bersetuju. Ini menunjukkan tahap kesedaran yang tinggi dalam perihal kepentingan pengetahuan umum tafsir *surah-surah lazim* yang dapat membantu khusyuk dalam solat dan aktiviti bacaan al-Quran.

Bahagian E: Kesedaran Dan Minat Terhadap Pengajian

Persoalan pertama adalah berkaitan dengan tahap pengetahuan keseluruhan kandungan umum *surah-surah lazim* dalam *Juzuk 'Amma*. Berdasarkan analisis data yang diperolehi, terdapat 47.8% responden yang tidak pasti, 26.1% setuju, 13.0% sangat setuju, 10.1% tidak setuju dan 2.9% sangat tidak setuju. Keputusan ini menunjukkan bahawa lebih daripada separuh responden dengan kadar 60.8% dalam kategori tidak pasti, sangat tidak setuju, dan tidak setuju. Ini jelas menunjukkan adanya jurang pengetahuan atau ketidakpastian mengenai pengetahuan kandungan umum *surah-surah lazim* dalam *Juzuk 'Amma*. Kumpulan responden ini dinilai tidak mempunyai pemahaman yang mendalam. Justeru, menuntut inisiatif yang lebih sistematik untuk meningkatkan pengetahuan mereka.

Bagi persoalan tentang adakah responden mengetahui sebahagian sahaja kandungan umum *surah-surah lazim* dalam *Juzuk 'Amma*, data menunjukkan 52.2% responden menyatakan setuju, 20.3% tidak pasti, 13.0% sangat setuju, 10.1% tidak setuju dan 4.3% sangat tidak setuju. Berdasarkan data ini, jelas bahawa lebih daripada separuh responden (52.2%) mendakwa mengetahui sebahagian kandungan umum *surah-surah lazim* dalam *Juzuk 'Amma*. Ini menunjukkan bahawa walaupun terdapat pemahaman yang agak baik tentang beberapa *surah lazim*, namun masih terdapat ruang keperluan untuk memperluaskan pengetahuan dan pemahaman mengenai keseluruhan *surah-surah* tersebut, terutamanya bagi mereka yang hanya mengetahui sebahagian kecil sahaja.

Berkaitan dengan persoalan tentang adakah responden mengetahui hanya sedikit sahaja kandungan umum *surah-surah lazim* dalam *Juzuk 'Amma*, analisis data mendapati bahawa 43.5% setuju, 18.8% tidak pasti, 17.4% tidak setuju, 14.5% sangat tidak setuju dan 5.8% sangat setuju. Keputusan ini menunjukkan bahawa 68.1% responden memilih kategori tidak pasti, sangat bersetuju, dan setuju. Ini menunjukkan bahawa kebanyakan responden mempunyai pengetahuan minimum. Keadaan ini mencerminkan keperluan

menyemarakkan usaha yang lebih proaktif untuk menambah pengetahuan sedia ada.

Persoalan terakhir mengenai kekerapan responden berada dalam kuliah pengajian berkaitan al-Quran. Data menunjukkan bahawa 42.0% responden setuju, 30.4% tidak pasti, 13.0% sangat setuju, 10.1% tidak setuju, dan 4.3% sangat tidak setuju. Berdasarkan data ini, majoriti responden (55.0%) memilih kategori sangat bersetuju dan setuju. Ini menunjukkan tahap kecenderungan sederhana di kalangan responden untuk menghadiri kuliah pengajian berkaitan al-Quran. Data ini juga menunjukkan bahawa sebahagian besar responden kurang berada dalam kuliah pengajian al-Quran. Kuliah-kuliah yang bersistematik dan menarik wajar dilaksanakan untuk mempengaruhi penglibatan mereka.

Persoalan seterusnya dalam perihal kesesuaian pengajian tafsir di sekitar petempatan responden. Data menunjukkan jawapan yang agak berbeza-beza. 39.1% responden memilih kategori tidak pasti, yang menunjukkan ketidakpastian mengenai kesesuaian pengajian tafsir di kawasan mereka. Sementara itu, 31.9% responden bersetuju bahawa pengajian tafsir di sekitar mereka sudah sesuai, manakala 23.1% tidak bersetuju dan 7.2% sangat tidak bersetuju. Hasil ini menunjukkan terdapat jurang pendapat yang ketara di kalangan responden. Dapatan ini menunjukkan sebahagian besar responden merasa ragu-ragu atau tidak pasti tentang keberkesanan dan kesesuaian pengajian tafsir yang ada di tempat mereka.

Dalam pada itu, persoalan mengenai minat responden untuk mendalami pengetahuan *surah-surah lazim*, data menunjukkan bahawa majoriti responden dengan kadar 92.7% menyatakan persetujuan yang tinggi. Sebanyak 47.8% responden sangat setuju, sementara 44.9% setuju untuk mendalami lebih lanjut tentang *surah-surah lazim*. Hanya 4.3% yang tidak pasti dan 2.9% yang tidak bersetuju. Keputusan ini mencerminkan kesedaran yang tinggi di kalangan responden tentang pentingnya pengetahuan mengenai *surah-surah lazim*.

Selain itu, persoalan menyentuh adakah pengajian *surah-surah lazim* wajar difokuskan pada tafsir utama. Data menunjukkan 97.1% responden bersetuju dan sangat setuju. Hasil ini menunjukkan persetujuan yang sangat positif terhadap pengajian *surah-surah lazim* dengan penekanan pada tafsir yang lebih mendalam. Dalam persoalan adakah pengajian tafsir yang tidak dirancang sukatan pengajian akan menyebabkan orang ramai tidak mendapat pengetahuan yang luas tentang kandungan al-Quran, majoriti responden (81.1%) adalah bersetuju. Data ini menunjukkan kesedaran yang tinggi tentang potensi kekurangan pengetahuan apabila pengajian tafsir dijalankan tanpa perancangan yang teliti.

Persoalan akhir menyentuh adakah responden berminat dengan pengajian tafsir *surah-surah lazim* yang menggunakan modul ringkas tetapi padat dengan tafsir dan pengajaran utama, 95.7% responden sangat setuju dengan pendekatan ini. Ini menunjukkan bahawa kebanyakan responden lebih cenderung kepada format pengajian yang mudah, padat dan berfokus.

Bahagian F: Cadangan Dan Maklum Balas Hasil Temubual Rawak

Temubual yang dijalankan adalah menyentuh persoalan kaedah dan pemeraksanaan pengajian tafsir *surah-surah lazim*. Temubual ini melibatkan 25 orang responden yang dipilih secara rawak dari lima kawasan iaitu Seremban, Kuala Pilah, Jempol, Port Dickson dan Rembau. Soalan-soalan temuduga adalah seperti berikut:

- i. Pada pendapat anda, bagaimanakah kaedah kuliah pengajian tafsir surah-surah lazim dapat dilaksanakan bagi menarik para penuntut?
- ii. Berikan cadangan ringkas terhadap pemeraksanaan terhadap bahan pengajian tafsir surah-surah lazim.

Rangkuman dapatan adalah seperti berikut:

a. Kaedah Kuliah Pengajian Tafsir Surah-Surah Lazim

Para responden memberikan pelbagai cadangan mengenai kaedah yang sesuai untuk menarik minat penuntut dalam pengajian tafsir *surah-surah lazim*. Terdapat sokongan kuat terhadap metodologi pengajaran tradisional dan formal seperti kaedah *talaqqi musyafahah* yang masih relevan dalam pengajian agama. Menurut tokoh tajwid, Muhammad Makki Nasr al-Jariasi *talaqqi musyafahah* ialah bacaan seseorang di hadapan guru yang mahir dan berlangsung pemerhatian terhadap *makhraj*, sifat huruf dan hukum tajwid.¹¹ Para responden juga menyarankan pendekatan interaktif bagi memastikan pengajian al-Quran tidak bersifat satu hala. Penggunaan teknik soal jawab, perbincangan dua hala dan aktiviti praktikal dapat memberi rangsangan kepada pelajar untuk lebih aktif dalam setiap sesi kuliah pengajian.

Selain itu, pengajian tafsir juga disarankan untuk disertakan sesi hafalan *surah-surah lazim* dan sesi simulasi pemahaman. Ini bertujuan untuk mewujudkan umat Islam tempatan yang tidak hanya mampu menghafal bahkan memahami maksud asas ayat. Gaya penyampaian ilmu yang santai dan mudah

¹¹ Al-Jariasi, Muhammad Makki Nasr, *Nihayah al-Qaul al-Mufid fi 'Ilm al-Tajwid* (Mesir: Mustafa al-Bab al-Halabi, 1930), 15.

difahami turut dicadangkan, khususnya untuk menarik minat golongan belia dan masyarakat umum.

b. Penggunaan Teknologi dan Bahan Bantu Mengajar

Sebahagian besar responden mencadangkan penggunaan teknologi digital sebagai medium dakwah yang lebih dinamik dan mudah diakses. Media sosial, aplikasi digital dan *Teknologi kecerdasan Buatan* atau *Artificial Intelligence* (A.I.) dianggap sebagai perantara pengajian yang efektif pada masa kini untuk mempromosi dan aktiviti pengajian tafsir.

Penggunaan bahan visual seperti *slaid* yang menarik, infografik dan animasi dapat membantu visualisasi tafsir. Perantara teknologi ini dinilai dapat memberi implikasi yang positif dalam pengajaran. Bahan bacaan seperti *e-book*, modul tafsir yang ringkas dan padat juga dicadangkan bagi memudahkan pelajar mendapatkan sumber yang pantas dan berkualiti. Ini menunjukkan bahawa integrasi teknologi dalam pengajian tafsir dapat meningkatkan keterlibatan pelajar dengan lebih efektif, selain memudahkan mereka mengakses bahan rujukan secara pantas.

c. Kandungan dan Kesesuaian Silibus

Responden turut memberi cadangan tentang kepentingan menghubungkan tafsir dengan isu semasa seperti perkaitan tafsir dengan sains dan psikologi. Contohnya, tafsir *Surah al-Dhuha* amat sesuai untuk dikaitkan dengan masalah kemurungan dan kaedah mengatasinya. Pendekatan ini dapat mendedahkan para penuntut tafsir untuk memahami hubungan antara ajaran Islam dengan resolusi isu kehidupan. Sebahagian responden mencadangkan agar pengajian tafsir wajar memberi penekanan kepada maksud *harfiyyah* dan juga maksud tersirat setiap ayat. Ini bertujuan supaya tafsir tidak dilihat sebagai sekadar pengajian biasa, tetapi sebagai pengajian ilmu wahyu yang amat menyeluruh sesuai dengan keluasan ilmu tafsir al-Quran itu sendiri.¹²

d. Pengurusan Program dan Kebajikan

Dalam konteks pengurusan masa dan kebajikan, para responden mencadangkan agar kuliah pengajian tafsir dijalankan secara berkala, misalnya dua kali sebulan atau setiap hujung minggu. Durasi kuliah yang pendek tetapi padat dianggap lebih berkesan untuk mengekalkan tumpuan para penuntut ilmu di masjid atau premis yang melibatkan masyarakat awam. Di samping itu, pengajaran yang dilakukan oleh guru yang benar-benar berilmu, bersemangat dan berpengaruh dilihat sebagai faktor penting untuk dalam mempengaruhi

¹² Khairuddin Said, *Gerbang Usul Tafsir* (Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa, 2013), 181.

pembelajaran. Pihak penganjur disarankan mencari dana ke arah menyediakan kemudahan seperti makanan atau alatan pembelajaran. kerjasama dengan Majlis Agama Negeri atau organisasi bukan kerajaan (NGO) adalah dicadangkan bagi tujuan menyediakan latihan dan dana kebajikan dalam aktiviti pengajian tafsir. Kerjasama yang bersungguh-sungguh dan berfokus dapat menyumbang memberi implikasi yang lebih berkesan berbanding inisiatif individu atau organisasi kecil.

e. Medium Penyampaian Tafsir dan Promosi

Sebahagian besar responden mencadangkan supaya kuliah pengajian tafsir dijalankan secara *hibrid* iaitu pilihan kuliah kehadiran fizikal atau kuliah atas talian untuk memudahkan masyarakat untuk terlibat. Untuk tujuan promosi, khutbah Jumaat boleh dimanfaatkan sebagai saluran untuk membangkitkan kesedaran umat Islam untuk terlibat dalam pengajian tafsir al-Quran. Inisiatif promosi juga dapat diperluaskan menerusi perantara media sosial seperti *WhatsApp*, *Facebook*, *TikTok* dan *Instagram* supaya dapat disampaikan informasi ke seluruh masyarakat, khususnya golongan muda.

f. Cadangan Pemerksaan Bahan Pengajian Tafsir Surah-Surah Lazim

Pemerksaan bahan pengajian tafsir *surah-surah lazim* juga turut dibincangkan responden. Terdapat cadangan supaya bahan pengajian disediakan dalam pelbagai format seperti buku, risalah, e-book dan aplikasi telefon pintar. Penggunaan bahan visual seperti infografik dan *slaid* pembentangan yang jelas dapat membantu pelajar memahami dengan lebih baik. Dalam hal ini, pendekatan interaktif dan penggunaan teknologi terkini seperti video ringkas, audio, dan podcast disarankan juga untuk menjadikan pengajian lebih dinamik dan bersifat semasa.

Responden mencadangkan agar sumber rujukan yang digunakan dalam pengajian tafsir perlu berasaskan kepada kitab-kitab yang *muktabar* dan *sahih* seperti *Tafsir Ibn Kathir*. Tokoh tafsir kontemporari, Salah 'Abd al-Fattah al-Khalidi mengetengahkan bahawa *Tafsir Ibn Kathir* merupakan sebuah karya *tafsir bi al-ma'thur* paling sahih selepas *Tafsir al-Tabari* kerana memuatkan banyak fakta tafsiran daripada *salaf al-salih*. Beliau menyatakan bahawa kitab tersebut wajib dijadikan rujukan utama dalam memahami kandungan al-Quran.¹³

Meskipun kitab *Tafsir Ibn Kathir* sebagai rujukan utama, kandungan tafsir wajar disesuaikan dalam bentuk modul mengikut tahap sasaran penuntut ilmu

¹³ Al-Khalidi, Solah Abd al-Fattah, *al-Tafsir wa al-Mufasssirun fi Thawbihi al-Jadid* (Amman: Dar al-Nafais, 2010), j.1, 527-530.

supaya pengajian lebih berkesan dan tidak memakan masa terlalu lama. Strategi hebahan dan promosi yang memfokuskan pengajian tafsir *surah-surah lazim* penting bagi memastikan program pengajian tafsir sampai kepada golongan sasaran. Penggunaan media sosial, pameran buku atau modul tafsir serta kerjasama dengan pereka grafik atau mahasiswa dapat diadakan supaya terhasil bahan yang menarik dan kreatif.

Inisiatif kebajikan lain yang turut dicadangkan responden ialah penyediaan risalah, bahan bacaan atau rakaman secara percuma yang diedarkan di masjid dan premis awam bagi menggalakkan budaya membaca dan mendengar pengisian tafsir *surah-surah lazim*. Sebahagian responden berpendapat pengedaran bahan ilmiah santai di medan awam adalah penting kerana ramai masyarakat tidak berusaha membelinya. Mereka juga jarang untuk mengikuti kuliah-kuliah pengajian tafsir.

g. Pembinaan Modul Yang Padat dan Ringkas

Modul yang padat dengan fakta dan ringkas perlu dirangka untuk kegunaan masyarakat awam. Modul perlu dirangka berdasarkan dapatan kajian yang menekankan aspek pembetulan salah faham, penerangan *asbabun nuzul* dan aplikasi *tadabbur* dalam kehidupan seharian. Sebagai contoh perangkaan modul pengajian bagi surah-surah lazim ialah dimulakan dengan perbincangan *Surah al-Dhuha* dan *Surah al-Sharh*.

Modul 1: *Surah al-Dhuha* (*Cahaya Pagi*)

Pengenalan dan *Asbab al-Nuzul* (Sebab Turun Ayat)

Konteks Sejarah: Surah ini turun ketika wahyu terhenti seketika menyebabkan kaum musyrikin mengejek Nabi Muhammad SAW dengan mendakwa Allah telah membenci dan meninggalkan baginda.

Mitos dan Fakta: Ramai menyangka surah ini hanyalah saranan *Solat Dhuha* sedangkan fakta sebenarnya adalah janji pemeliharaan Allah terhadap hamba-Nya yang sedang dalam kesusahan atau kesedihan.

Teks Al-Quran dan Terjemahan

وَالضُّحَىٰ	1. Demi waktu dhuha (pagi hari),
وَاللَّيْلِ إِذَا سَجَىٰ	2. Dan demi malam apabila telah sunyi,
مَا وَدَّعَكَ رَبُّكَ وَمَا قَلَىٰ	3. Tuhanmu tidak meninggalkanmu dan tidak membencimu,

وَلَا خَيْرَ لَكَ مِنَ الْأُولَىٰ	4. Dan sesungguhnya akhir itu lebih baik bagimu daripada permulaan (dunia),
وَلَسَوْفَ يُعْطِيكَ رَبُّكَ فَتَرْضَىٰ	5. Dan kelak Tuhanmu pasti memberikan kurniaan-Nya kepadamu, sehingga kamu menjadi puas (senang),
أَلَمْ يَجِدْكَ يَتِيمًا فَآوَىٰ	6. Bukankah Dia mendapatinya sebagai seorang yatim, lalu Dia melindungi(mu)?
وَوَجَدَكَ ضَالًّا فَهَدَىٰ	7. Dan Dia mendapatinya sebagai seorang yang bingung, lalu Dia memberikan petunjuk,
وَوَجَدَكَ عَائِلًا فَأَغْنَىٰ	8. Dan Dia mendapatinya sebagai seorang yang kekurangan, lalu Dia memberikan kecukupan.
فَأَمَّا الْيَتِيمَ فَلَا تَقْهَرْ	9. Maka terhadap anak yatim, janganlah kamu berlaku sewenang-wenang,
وَأَمَّا السَّائِلَ فَلَا تَنْهَرْ	10. Dan terhadap orang yang meminta-minta, janganlah kamu mengherdik(nya),
وَأَمَّا بِنِعْمَةِ رَبِّكَ فَحَدِّثْ	11. Dan terhadap nikmat Tuhanmu, maka hendaklah kamu siarkan (dengan bersyukur).

Intipati Ayat dan *Tadabbur*

Ayat Utama	Mesej <i>Tadabbur</i>
Ayat 3: Tuhanmu tidak meninggalkanmu dan tidak membencimu.	Allah sentiasa bersama kita walaupun di saat kita merasa sunyi atau gagal.

Ayat 7: Dan Dia mendapati mu bingung, lalu Dia memberi petunjuk.	Setiap kekeliruan dalam hidup ada penyelesaiannya melalui bimbingan wahyu.
--	--

Modul 2: *Surah al-Sharh (Kelapangan)*

Pengenalan & Hubungan Dengan *Surah al-Dhuha*

Hubungan: Jika *Surah al-Dhuha* berkaitan penawar kesedihan manakala *Surah al-Sharh* berkaitan kunci kelapangan dada.

Fokus Utama: Menanamkan keyakinan bahawa setiap satu kesukaran akan disertai oleh dua kemudahan.

Teks Al-Quran dan Terjemahan

أَمْ نَشْرَحُ لَكَ صَدْرَكَ	1. Bukankah Kami telah melapangkan untukmu dadamu?
وَوَضَعْنَا عَنْكَ وِزْرَكَ	2. Dan Kami telah menghilangkan daripadamu bebanmu,
الَّذِي أَنْقَضَ ظَهْرَكَ	3. Yang memberatkan punggungmu?
وَرَفَعْنَا لَكَ ذِكْرَكَ	4. Dan Kami tinggikan bagimu sebutan namamu.
فَإِنَّ مَعَ الْعُسْرِ يُسْرًا	5. Maka sesungguhnya bersama kesulitan ada kemudahan,
إِنَّ مَعَ الْعُسْرِ يُسْرًا	6. Sesungguhnya bersama kesulitan ada kemudahan.
فَإِذَا فَرَغْتَ فَانصَبْ	7. Maka apabila kamu telah selesai (daripada sesuatu urusan), tetaplah bekerja keras (untuk urusan yang lain),

وَالِى رَبِّكَ فَارْجُ	8. Dan hanya kepada Tuhanmulah hendaknya kamu berharap.
------------------------	---

Intipati Ayat & Tadabbur

Ayat Utama	Mesej <i>Tadabbur</i>
Ayat 5-6: Maka sesungguhnya bersama kesulitan ada kemudahan.	Optimisme Islam: Kesulitan bukan penghalang, tetapi rakan kepada kejayaan.
Ayat 7: Maka apabila kamu telah selesai (urusan), kerjakanlah dengan sungguh-sungguh (urusan) yang lain.	Pengurusan masa dan produktiviti seorang Muslim.

8. Penutup

Hasil kajian menunjukkan keperluan penting terhadap satu sistem pengajian tafsir yang lebih terancang di Negeri Sembilan. Hal ini selari dengan objektif kajian untuk menilai tahap pemahaman, menghayati, dan menterjemahkan intipati ayat-ayat al-Quran yang sering dibaca ke dalam kehidupan harian. Kekeliruan dalam memahami intipati surah-surah lazim yang dibaca boleh menjejaskan kualiti ibadat dan kefahaman sebagai seorang Muslim yang mempunyai kewajipan berpegang kepada kandungan *al-Quran al-Karim*.

Walaupun tahap kesedaran adalah tinggi, terdapat jurang pengetahuan yang berbeza dalam aspek tafsir khusus. Hal ini membuktikan bahawa hafalan tanpa kefahaman makna yang mendalam adalah tidak memadai bagi pembentukan ibadah yang sempurna. Kajian mendapati lebih 50% responden mengalami salah faham terhadap tema utama tertentu surah-surah lazim. Fakta ini memperkukuhkan hujah bahawa modul baharu mestilah bersifat pendedahan tafsir sebenar termasuk makna *harfiyyah*.

Aspirasi rakyat Negeri Sembilan terhadap ilmu sangat tinggi dengan data 92.7% responden berminat mendalami tafsir. Masyarakat tidak bersetuju dengan kuliah umum yang tidak berstruktur. Terdapat kecenderungan ke arah pengajian yang lebih akademik yang menawarkan kemudahan dan berasaskan teknologi semasa. Dapatan ini secara langsung memenuhi objektif kajian yang bertujuan untuk menganalisis tahap kesedaran dan kemahuan rakyat serta mengukur keterbukaan mereka terhadap pengajian tafsir yang bersistematik dan berstruktur. Menerusi kajian ini, adalah diharapkan pihak pengkaji tertentu dapat merealisasikan sebuah modul pengajian tafsir yang bersistematik kepada rakyat Negeri Sembilan. Justeru, penghayatan al-Quran akan lebih berkesan dan menambahkan lagi kefahaman umat Islam terhadap wahyu Ilahi. Sinergi antara ahli akademik, institusi agama dan masyarakat adalah kunci utama kejayaan transformasi Islamisasi ini.

Secara keseluruhan, maklum balas yang diberikan responden telah menunjukkan kesedaran yang tinggi terhadap kepentingan pengajian tafsir surah-surah lazim dalam *Juzuk 'Ammah*. Mereka menunjukkan kecenderungan dan pandangan yang positif demi memperkasakan pengajian yang berkait rapat dengan *al-Quran al-Karim*. Secara tuntasnya, maklum balas positif ini sangat signifikan bagi mengemukakan saranan strategik dan formula yang berpotensi besar dalam menjayakan misi kesejahteraan agama serta memurnikan kelestarian hidup masyarakat Islam di Negeri Sembilan secara holistik.

Bibliografi

Al-Quran al-Karim

Al-Jarisi, Muhammad Makki Nasr, "Nihayah al-Qaul al-Mufid fi 'ilm al-Tajwid," *Mesir: Mustafa al-Bab al-Halabi (1930)*.

Al-Khalidi, Solah Abd al-Fattah, "Al-Tafsir wa al-Mufassirun fi Thawbihi al-Jadid," *Amman: Dar al-Nafais (2010)*.

Al-Khalidi, Solah Abd al-Fattah, "Qawa'id al-Tadabbur li al-Qur'an al-Karim," *Damsyiq: Dar al-Qalam (2014)*.

Al-Suyuti, Jalal al-Din 'Abd al-Rahman, "al-Itqan fi 'Ulum al-Qur'an," *Beirut: Dar-Fikr (2004)*.

Al-Zuhaili, Wahbah, "al-Tafsir al-Munir," *Beirut-Lubnan: Dar al-Fikr (1998)*.

Abdul Rahman Ahmad, Mohd Yusof Ismail & Siti Aminah Kassim, "Kajian Keupayaan Membaca dan Memahami al-Quran: Fokus Kepada Masyarakat Luar Bandar," *Jurnal Ulum Islamiyyah, Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia, no.2 (2018): 44-53*.

Hamka, "Tafsir al-Azhar," *Jakarta: Pustaka Panjimas (1982)*.

Ibn Kathir, Abu al-Fida' Isma'il bin 'Umar, "Tafsir al-Qur'an al-'Azim," *Beirut-Lubnan: Dar Ibn Hazm (2000)*.

Kamarul Azmi Jasmi, "Kesahan dan Kebolehpercayaan Dalam Kajian Kualitatif. Kesahan Dan Kebolehpercayaan Dalam Kajian Kualitatif," *Kertas kerja Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1, Johor Bahru: Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Temenggong Ibrahim (2012): 1-6*.

Kamus Dewan, *Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Edisi 4 (2005)*.

Khairuddin Said, "Gerbang Usul Tafsir," *Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa (2013)*.

Khairul Anuar Mohd Ali, "Penilaian Tahap Pengetahuan Ilmu Tajwid dan Kefahaman Makna Ayat al-Quran dalam Kalangan Masyarakat Awam," *Tesis Sarjana, Kuala Lumpur: Universiti Malaya (2016)*.

Merriam Sharan Barney, "Qualitative Research and Case Study Applications in Education," *San Francisco: Jossey-Bass Publishers (2001)*.

Mohd Najib Abdul Rahman, Ahmad Syukri & Mohd Faisal, "Kesedaran Masyarakat Terhadap Kepentingan Ilmu Tafsir Kajian di Daerah Seremban," *Jurnal al-Basirah, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, no.2 (2019): 25-36*.

Mohd. Sani Ismail, "Keberkesanan dan Masalah-Masalah Program KAFA di Negeri Selangor," *Tesis Sarjana, Kuala Lumpur: Universiti Malaya (2003)*.

Muhammad Aizat Syimir Rozani, Sahlawati Abu Bakar, Zaidul Amin Suffian Ahmad dan Wan Ramizah Hasan, "Kerangka Pedagogi Pengajian al-Quran Berasaskan Masjid: Pengintegrasian Tilawah, Tadabbur dan Amal," *Jurnal Pengajian Islam, Selangor: Universiti Islam Selangor, no.1 (2026): 89-107*.
<https://doi.org/10.53840/s5jwpc72>

Muhammad Izwan Nasir, "Tahap Pengetahuan dan Kecenderungan Masyarakat Terhadap Pembelajaran Tafsir al-Quran al-Karim," *Jurnal Pengajian Kontemporari, Terengganu: Universiti Sultan Zainal Abidin, no.1 (2022): 22-32.*

Norhafizah Mohd Said & Mohd Yakub Zulkifli Mohd Yusoff, "Kefahaman Terhadap Surah-Surah Lazim: Analisis Tahap Pengetahuan Terjemahan al-Quran Komuniti Setempat," *Jurnal al-Quran dan Pengajian Karami, Kuala Lumpur: Universiti Malaya no.1 (2017): 17-26.*

Nur Hanani binti Mohd Yusof Mohd Yusof & Mohamad Sabri bin Mohd Sani, "Metodologi Hafalan Surah-Surah Lazim Dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah: Satu Tinjauan," *Kuala Lumpur: Universiti Malaya (2020).*

Portal Rasmi Kerajaan Negeri Sembilan, Slogan Kerajaan Negeri Sembilan, <https://www.ns.gov.my/>, diperolehi pada 13 Januari 2026.

Rohani Sulaiman & Asma Abdullah, "Tahap Celik al-Quran dan Amalan Tadabbur dalam Kalangan Penjawat Awam," *Jurnal Usuluddin dan Pemikiran Islam, Shah Alam: Universiti Teknologi MARA, no.2 (2021): 18-26.*

Siti Hazwani Ahmad & Fauzi Hamzah, "Aplikasi Ilmu Tafsir dalam Kehidupan Sehari-hari: Satu Kajian Tahap Pengetahuan Komuniti Mualaf," *Jurnal Penyelidikan Islam, Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), no.1 (2020): 14-22.*

Zainora Daud, Abd Muhaimin Ahmad, Norazman Alias, Muhammad Hafiz Saleh dan Mashitah Ahmad, "Kelestarian Literasi al-Quran Sepanjang Hayat: Impak Media Sosial, Kepimpinan Guru dan Persekitaran Islamik di Malaysia," *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs (JQSS), Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia, no.1 (2026): 146-163.* DOI 10.33102/jqss.

Zulkifli Hasan & Ahmad Nasir, "Tahap Penguasaan dan Penghayatan al-Quran dalam Kalangan Belia: Satu Analisis," *Jurnal Pengajian Islam, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, no.1 (2015): 35-44.*